



## KENYATAAN MEDIA BERSAMA YAYASAN WAQAF MALAYSIA DAN HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD

### PELANCARAN PRODUK WAKAF TAKAFUL AJWAD

Skim Wakaf Tunai Beserta Pelan Perlindungan Takaful Berkelompok Untuk Semua

---

1. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah entiti wakaf peringkat kebangsaan yang konsisten, berdedikasi dan proaktif dalam memperluaskan pelbagai produk wakaf yang inovatif dari segi kaedah pelaksanaannya. Selari dengan matlamat ini, pelancaran Produk Wakaf Takaful Ajwad Bersama Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLM Takaful) ini akan menyumbang kepada pertumbuhan dana wakaf tunai dan perlindungan takaful serta mengembangkan potensinya ke tahap yang lebih baik.
2. YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengurus Lembaga Pemegang Amanah YWM yang hadir bagi melancarkan produk Wakaf Takaful Ajwad berkata, **produk Wakaf Takaful Ajwad merupakan inovasi produk gabungan sinergi elemen wakaf dan takaful di mana setiap pewakaf layak mendapat manfaat perlindungan sebanyak RM12,000.00 sekiranya berlaku sebarang kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal, manfaat tambahan kematian akibat kemalangan sebanyak RM12,000 dan manfaat perbelanjaan pengebumian sebanyak RM1,000.**
3. Menurutnya lagi, di bawah Produk Wakaf Takaful Ajwad ini, terdapat tiga (3) pilihan pelan iaitu:
  - (a) **Ajwad 1** dengan kadar sumbangan bulanan sebanyak **RM50.00** di mana **RM30.00** adalah sumbangan wakaf dan **RM20.00** adalah sumbangan takaful;
  - (b) **Ajwad 2** dengan kadar sumbangan bulanan sebanyak **RM100.00** di mana **RM80.00** adalah sumbangan wakaf dan **RM20.00** adalah sumbangan takaful;
  - (c) **Ajwad 3** dengan kadar sumbangan bulanan sebanyak **RM150.00** di mana **RM130.00** adalah sumbangan wakaf dan **RM20.00** adalah sumbangan takaful.

4. Bertepatan dengan tema produk ini iaitu "Wakaf Manfaat Berpanjangan, Takaful Perlindungan Berterusan", **sejumlah RM20.00 daripada nilai sumbangan yang dipilih akan disalurkan kepada HLM Takaful untuk tujuan perlindungan**, manakala bakinya adalah sumbangan wakaf yang akan diuruskan oleh YWM.
5. Encik Mohd Asri Omar, Ketua Pegawai Eksekutif HLM Takaful berkata, kerjasama antara HLM Takaful dan YWM ini membolehkan HLM Takaful menyediakan fasiliti kepada penyumbang wakaf di YWM untuk mencarum dan mendapatkan perlindungan takaful yang mampu milik.
6. Sebagai contoh, sekiranya peserta memilih pelan sumbangan bulanan sebanyak **RM50.00** dan jika berlaku kematian atas sebarang sebab, sejumlah **RM4,000.00** daripada Manfaat Kematian (iaitu bersamaan dengan **1/3** daripada manfaat perlindungan berjumlah **RM12,000.00**) akan diwakafkan atas nama peserta ke YWM.
7. **Kesemua dana wakaf yang diterima ini akan dikategorikan sebagai Wakaf Am YWM dan pengagihannya adalah berdasarkan kepada Tatacara Pengagihan Dana Wakaf YWM.** Bagi tujuan pengagihan, keutamaan akan diberikan kepada program atau projek yang di dalamnya melibatkan Majlis Agama Islam Negeri yang diputuskan oleh YWM.
8. YB Senator Dato' Setia selaku Pengurus YWM turut menekankan kepentingan mempelbagaikan platform pewakafan bagi memudahkan masyarakat untuk berwakaf seterusnya meningkatkan lagi tabungan dana wakaf YWM.
9. Produk Wakaf Takaful Ajwad adalah satu inovasi terbaru dalam kaedah pewakafan yang terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa.
10. Bagi tujuan penyertaan, orang ramai boleh mendaftar menerusi portal rasmi YWM iaitu [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my). Setiap sumbangan wakaf yang diterima menerusi pelan perlindungan ini layak mendapat potongan cukai di bawah Seksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.

- TAMAT -

---

### **Yayasan Waqaf Malaysia**

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) adalah sebuah entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258]. Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai YWM dan berwakaf sila layari [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

### **Hong Leong MSIG Takaful Berhad**

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLM Takaful) adalah pengendali takaful berlesen yang beroperasi sejak tahun 2006 dan merupakan komponen penting dalam perkhidmatan kewangan Islam Hong Leong Financial Group sebagai platform bersepadu dalam menawarkan Perbankan Islam, Pelaburan Islam, Pengurusan Kewangan Islam dan Takaful berasaskan prinsip Shariah.

### **Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

1. Cik Haidatul Azia binti Husin  
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat  
Yayasan Waqaf Malaysia  
019-3883395 | [azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)
  
2. Puan Sheznie Haroun Merican  
Pengurus, Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Hong Leong MSIG Takaful Berhad  
017-2962456 | [HMSheznie@takaful.hongleong.com.my](mailto:HMSheznie@takaful.hongleong.com.my)